

**Unit Integriti perkasa
perkhidmatan awam**

Metar 4/9/12 MC24

Langkah kerajaan menubuhkan Unit Integriti di setiap agensinya sebagai inisiatif membendung salah laku-jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam dilihat sebagai usaha dan inisiatif proaktif pihak kerajaan dalam memperkasa tadbir urus penjawat awam khasnya dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Ketika mengumumkan keputusan kerajaan ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low, memaklumkan bahawa langkah itu sebagai satu usaha kawalan dalaman dalam aspek integriti iaitu unit berkeajaan akan bertanggungjawab melaksanakan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

Ekoran keputusan kerajaan ini, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjangkakan kira-kira 700 Unit Integriti akan ditubuhkan membatik semua agensi kerajaan dalam usaha untuk memastikan kalangan penjawat awam mengamalkan budaya kerja lebih beretika serta berintegriti.

Penubuhan unit ini sekali lagi menggambarkan keseriusan kerajaan untuk memperkasa dan memantapkan tadbir urus perkhidmatan kerajaan agar dapat memberikan perkhidmatan yang efisien, telus, adil dan profesional kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, kedudukan dan warna kulit.

Walaupun kadar salah laku penjawat awam seperti rasuah dan salah guna kuasa boleh dikatakan masih pada tahap terkawal, namun beberapa kes yang dihadapi ke mahkamah mahupun dijatuhkan hukuman mutakhir ini tetap membimbangkan khalayak.

Ia tetap sedikit sebanyak menjejaskan imej perkhidmatan awam dan penjawat awam negara ini. Justeru, penubuhan unit ini difikirkan sangat signifikan dan tepat pada masanya bagi menutup dan mengatasi segala kelemahan dan ketirisan yang masih ada dalam perkhidmatan awam agar dapat terus meraih keyakinan, kepercayaan dan sokongan rakyat.

Ia juga sangat bersesuaian dengan slogan kerajaan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.



Tanggungjawab Unit Integriti

- Tadbir urus
- Pengukuhan integriti
- Pengesanan dan pengesahan
- Pengurusan aduan
 - Pematuhan
 - Tatatertib

“Langkah itu sebagai satu usaha kawalan dalaman dalam aspek integriti”
Paul Low

kan serta menepati konsep dikemukakan oleh Ketua Setiausaha Negara iaitu Mera-kyatkan Perkhidmatan Awam.

Apa yang diharapkan ialah penubuhan unit ini dihayati sepenuhnya oleh semua agensi kerajaan dengan memberi perhatian, keutamaan dan fokus yang lebih serius.

Usah sekadar ikut arahan

Kita tidak mahu agensi kerajaan terpaksa atau hanya menubuhkan unit ini sekadar memenuhi arahan umpama melepaskan bantuk di tangga yang akhirnya tidak akan menepati hasrat dan matlamat penubuhan unit ini.

Dalam hal ini terma rujukan unit baru ini perlu dimuktamadkan dan digariskan secara jelas agar memudahkan segala urusannya kelak. Perkara ini penting kerana kita percaya semua agensi kerajaan sudah ada jabatan mahupun pegawai khusus yang selama ini dipertanggungjawabkan menjaga urusan tadbir urus, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib, terutama di semua agensi yang sudah memiliki Sijil MS ISO 9001:2008 yang mengiktiraf aspek kualiti pengurusan dan tadbir urus agensi terbabit.

Penubuhan unit integriti ini perlu diselaraskan dengan teliti agar tidak bertindan dengan fungsi dan terma rujukan jabatan sedia ada.

Di samping itu, pegawai dilantik untuk mengetuai unit ini pula perlu memiliki kualiti dan kelayakan yang sewajarnya. Misalnya pegawai terbabit perlu di-

wajibkan menjalani kursus dan latihan khusus di bawah kendalian pihak SPRM melalui Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Antara program wajib diikuti ialah Program Pegawai Integriti Bertauliah yang membolehkan pegawai diberi tauliah dan diiktiraf sebagai pegawai integriti jabatan.

Bagi memastikan unit ini dapat bergerak dan beroperasi dengan bebas, adil dan profesional, ia wajar diletakkan terus di bawah kuasa agensi sendiri supaya dapat bertindak dengan lebih bebas dan efisien.

Ringkasnya cadangan penubuhan unit ini dilihat cukup baik dan bakal memperkasakan perkhidmatan awam di samping memberi manfaat langsung kepada masyarakat.

Ia juga dapat menepis segala tohmahan dan tuduhan tidak berhasrat terhadap penjawat awam khususnya dan perkhidmatan awam umumnya. Maka apa yang penting sekarang ialah kaedah pelaksanaannya. Sejauh mana hasrat dan tujuan penubuhan unit ini dapat diterjemahkan oleh setiap agensi kerajaan akan menjadi satu tanda tanya dalam kalangan rakyat.

Agensi kerajaan perlu buktikan bahawa keseriusan dalam membendung segala jenis penyelewengan dan salah guna kuasa.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM